



UPM Juara Robogamez 2008



Prof. Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi menyampaikan hadiah kepada pasukan UPM

KAJANG, 8 September – Kejuaraan Quarter Pounder Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pertandingan Robogamez membuktikan bahawa hasil ciptaan pelajar UPM setaraf antarabangsa sekiranya dikomersilkan dengan baik.

Pasukan UPM yang terdiri daripada pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik muncul sebagai juara dengan memperturuhkan robot kecil berbentuk seakan-akan kereta kawalan jauh, Quarter Pounder.

Jelas ketua pasukan, Yap Jee Ken menyatakan biarpun pasukan beliau dicabar dengan 128 pasukan yang lain, namun beliau dan ahli kumpulannya tetap yakin akan menjuarai pertandingan tersebut berdasarkan kemampuan robot mereka berfungsi dan mempunyai keunikan tersendiri serta lebih praktikal berbanding hasil ciptaan pasukan lain.

Yap berkata, hasil reka cipta pasukan mereka adalah teras kepada kemajuan teknologi masa kini di peringkat antarabangsa sekali gus menyahut seruan kerajaan dalam mencapai Wawasan 2020.

"Berbekalkan sedikit pengalaman daripada pelajar senior yang banyak menghasilkan ciptaan secara tidak langsung telah memberi tunjuk ajar kepada kami.

"Bahkan ahli pasukan saya Mohd. Sufuan dan Mohd. Iqbal Rosli turut komited dalam menghasilkan ciptaan robot kecil tersebut dengan menewaskan pasukan lain," katanya kepada pemberita Tribun Putra selepas dihubungi.

Kesungguhan pasukan telah menempatkan mereka sebagai juara sekali gus menewaskan 64 pasukan dari institusi pengajaran tinggi awam dan swasta serta 32 kumpulan dari Uniten.

Mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM500, piala, telefon bimbit jenama Motorola dan sijil.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti tenaga Nasional, Prof. Datuk Ir Dr. Mashkuri Yaacob.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia